

Merit, bakat tonjol kepemimpinan wanita

Isu wanita dalam kepemimpinan sering diperkatakan. Malaysia mengorak langkah bagi pembabitan wanita dalam peranan kepemimpinan. Peranan dan bilangan wanita dalam kepemimpinan diberi perhatian serius apabila kerajaan mengisytiharkan 2018 sebagai Tahun Memperkasakan Wanita.

Pada 2018, kerajaan menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita mesti berada dalam lembaga pengarah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta badan berkanun sebelum penghujung tahun berkenaan.

Malah, menurut Rajni Bajpai dari Bank Dunia, wanita menjawat hampir 50 peratus jawatan dalam per-

khidmatan awam negara.

Kita pasti pernah mendengar nama seperti Margaret Thatcher, Jacinda Ardern dan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. Wanita memimpin dalam segenap lapisan sejak dahulu lagi. Namun, mungkin kerana jumlahnya masih kecil bagi kehadiran pemimpin wanita dalam organisasi, ia menjadi sebab untuk mempercayai kepemimpinan wanita sukar mendapat tempat di negara ini. Adakah wujudnya persepsi dalam penerimaan kepemimpinan wanita?

Kepemimpinan wanita di negara ini melangkaui ke bidang yang secara tradisinya ditadbir lelaki seperti sukan bola sepak. Sukan ini secara warisannya didominasi lelaki, baik dalam permainan mahupun pentadbiran.

Namun, pada 2014, pasukan bola sepak PKNS FC melantik Ketua Pegawai Korporat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Siti Zubaidah Abdul Jabbar, sebagai presiden kelab itu. Beliau mengakui bola sepak bukanlah minatnya atau berpengalaman dalam selok-be-

lok berkenaan sukan dan industri itu.

Bagaimanapun, dalam tempoh beberapa tahun selepas beliau memimpin pentadbiran kelab bola sepak itu, pasukan PKNS FC berjaya menduduki tempat ketiga dalam saingan Liga Super Malaysia pada 2018. Ia pencapaian tertinggi bagi kelab itu dalam bola sepak Malaysia.

Selain itu, pengadil perlawanan daripada wanita juga mula mendapat tempat dalam sukan bola sepak. Peminat bola sepak tanah air yang ramai dalam kalangan lelaki, dapat menerima pembabitan wanita dalam sukan ini. Ini secara tidak langsung menjadi pemangkin bagi membuka peluang kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya untuk menerima pembabitan wanita dalam peranan kepemimpinan bagi bidang lain.

Pelantikan untuk memegang jawatan kepemimpinan tidak wajar lagi berdasarkan jantina, tetapi mengutamakan merit dan bakat.

Dalam artikel *Women In Leadership Positions: Where Is Malaysia At* oleh Johan Merican dan Shareen Ghani yang diterbitkan pada 2017, ada sesuatu yang boleh diperhalusi terhadap stereotaip mengenai wanita. Kita secara amnya membesar dalam persekitaran yang pemimpin kebanyakannya adalah lelaki.

Ketika kita dibesarkan, kanak-kanak lelaki diberi permainan bongkah binaan untuk bermain dan budak perempuan diberi anak patung. Anak lelaki digalakkan belajar Matematik dan Sains, mendaftar kursus seperti kejuruteraan, manakala ibu bapa cenderung anak perempuan belajar perakaunan.

Malah, kita kerap bercerita kepada anak mengenai hikayat dengan lelaki memainkan watak wira dan wanita sebagai golongan perlu diselamatkan. Dengan cabaran dihadapi dalam penerimaan wanita sebagai pemimpin di negara ini, kita memerlukan watak wira daripada kedua-dua jantina. Ini juga normal baharu yang diperlukan.

Artikel itu juga mengaitkan penerimaan wanita dalam peranan kepemimpinan melalui filem atau kartun animasi. Ke belakang ini, Hollywood berkembang dalam menggambarkan peranan jantina dalam filemnya. Disney terkenal dengan kisah klasik watak utama wanita seperti *Sleeping Beauty*, *Cinderella* dan *Snow White*. Kerap kali ia adalah sentiasa menampilkan watak lelaki, iaitu putera raja atau kesatria menyelamatkan watak wanita dalam kesusahan.

Bagaimanapun, kini Disney lebih terbuka menggambarkan watak wira wanita seperti Puteri Merida dalam *Brave*, Mulan dan Anna dalam *Frozen*. Tidak lupa juga watak wira wanita Hollywood yang lain seperti Wonder Woman dan Captain Marvel menjadi teraju utama.

Ini antara bukti sejauh mana penerimaan masyarakat antarabangsa sudah berubah dan berkembang terhadap wanita serta peranan mereka dalam kepemimpinan.

Rakyat negara ini hendaklah sedar kepentingan memajukan peranan wanita dalam kepemimpinan adalah bermanfaat bagi semua. Malaysia pastinya sukar mencapai status negara maju jika kita tidak mengoptimalkan peranan rakyat tanpa mengira jantina.

Semua pihak perlu bergerak sehalu, termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang menganjurkan program seperti INTAN Leadership Talk (iLead) bertemakan Women in Leadership bagi merealisasikan agenda kerajaan ini, selain kursus seperti Kursus Leadership Plus dan Kursus Futures Thinking and Scenario Planning (FTSP) untuk memanfaatkan kemahiran penjawat awam wanita dalam bidang kepemimpinan dan pengurusan.

Penulis adalah Perunding Latihan Kanan, Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)



Saiful
Ezane
Mazlan